

Kata ganti diri singkat *mu* dan *nya* yang merujuk kepada nama Tuhan mestilah menggunakan huruf besar sebagai huruf pertama dan disertakan tanda sempang.

Contoh penggunaan: (a) Ya Allah, ampunilah hamba-*Mu* yang hina ini!

(b) Mohonlah petunjuk daripada-Nya agar hidup kita selamat.

Kata ganti diri *ia* dan *nya* tidak boleh disatukan menjadi *ianya* kerana tidak wujud dalam tatabahasa bahasa Melayu walaupun ada kecenderungan penggunaannya secara lisan dalam kehidupan seharian.



Latihan Pengukuhan

A. Isi tempat kosong dengan kata ganti diri yang paling sesuai.

1. Usahlah kamu berkecil hati dengan kesilapan _____ semalam.
2. Segala arahan _____ telah hamba selesaikan dengan sebaik-baiknya.
3. Saya mahu bertemu dengan _____ di istana bagi memaklumkan kejadian itu.
4. Patik berharap agar _____ sudi mendengar masalah penduduk kampung ini.
5. Saya berharap _____ semua sentiasa sihat dan dalam lindungan-Nya.
6. Ikutilah rancangan kegemaran _____ di Radio Era pada jam 8:30 malam ini.
7. Rahman ialah budak yang baik dan _____ selalu membantu rakan-rakan di kelasnya.
8. "_____ akan menganugerahkan pingat kepada sesiapa yang rajin berusaha," titah sultan.
9. Sarah dan Farah dipuji oleh guru kerana _____ mendapat markah yang cemerlang.
10. "Bagaimanakah _____ semua datang ke sini?" Tanya Razali kepada kawan-kawannya.

B. Pilih jawaban yang paling sesuai.

1. "Ambillah buku _____ dan siapkan latihan masing-masing sekarang," kata Cikgu Hasnan.
A kalian **B** kalian semua
2. "_____ pernah melawat tempat bersejarah itu sebelum ini?" Tanya Siti kepada Alina.
A Anda **B** Awak
3. "_____ mahu segala persiapan berburu disiapkan sebelum malam," kata laksamana kepada rakannya.
A Baginda **B** Tuanku

4. Shireen murid yang pintar di kelasnya dan _____ selalu dipuji oleh guru.
gurunya.
A beliau B dia
5. Perdana Menteri akan merasmikan majlis itu. Ketibaan _____ disambut
dengan paluan kompang.
A beliau B baginda
6. Sebagai rakyat Malaysia, _____ haruslah sentiasa mencintai negara ini.
A kami B kita
7. _____ beradang melanjutkan pelajaran untuk mendalami bidang perubatan
A Dia B Beliau
8. _____ mesti mencintai negara ini pada setiap masa tanpa berbelah bahagi.
A Kita B Kami
9. "_____ hendak ke mana?" Tanya bendahara kepada Hang Tuah.
A Hamba B Tuan hamba
10. Aku amat berharap agar dapat bertemu dengan _____ nanti.
A kamu B engkau

C. Pilih jawaban yang paling sesuai.

- Buku cerita itu pernah _____ sebulan yang lalu.
A aku baca B dibaca olehku
- Hadiah istimewa ini _____ daripada ibu bapanya.
A diterima oleh dia B diterimanya
- Pulau yang indah itu pernah _____ kunjungi semasa ke Terengganu.
A kami B mereka
- Negara itu diperintah dengan adil oleh _____ sehingga aman negara itu.
A baginda B tuanku
- Lagu patriotik itu _____ dengan penuh bersemangat dalam majlis tersebut.
A mereka nyanyikan B dinyanyikan mereka
- _____ semua dijemput hadir untuk memeriahkan majlis perasmian itu.
A Kalian B Anda
- "Sekolah _____ akan menganjurkan sukan tahunan pada bulan hadapan," kata Azhar kepada kawan-kawan sekolahnya.
A kita B kami
- Kucing comel itu bukan _____ tetapi kepunyaan saya.
A kepunyaan dia B kepunyaannya